

BH 15 APR 2002

Dr M anggap tindakan pungutan suara Harakah berniat jahat

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Harakah, akhbar rasmi milik parti pembangkang Pas mengadakan pungutan suara mengenai penggantian, sebagai berniat jahat.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, **Harakah** dan Pas in-

gin melihat Umno berpecah dan sebab itu mereka berbuat demikian.

"Itu kehendak **Harakah**...kita peduli apa dengan **Harakah**," katanya selepas menyampaikan hadiah untuk pertandingan Golf Amal di Glenmarie Golf & Country Club di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan akhbar itu melalui laman Internetnya, **Harakahdaily.com**, mengadakan pungutan suara mengenai penggantian. Mereka yang disenaraikan ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; tiga Naib Presiden ia itu Datuk Seri Najib Tun Ra-

zak; Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhamad Muhd Taib serta ahli Majlis Tertinggi Tengku Razaleigh Hamzah.

Ditanya sama ada benar berlaku perebutan dalam kepemimpinan Umno sekarang, Dr Mahathir berkata perkara itu sebenarnya menjadi harapan **Harakah**,

dengan memberi markah kepada pemimpin Umno.

Mengenai kemungkinan **Harakah** ingin melihat Umno kembali berpecah, beliau berkata: "Yalah, itu niat dia."

Diminta mengulas laporan **Berita Harian** semalam mengenai tindakan rakyat Singapura mencero-
Pu-

lau Pisang di perairan Pontian dekat Johor Bahru,

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak tahu sama ada dia ceroboh ataupun tidak, tetapi kita ada perjanjian untuk kakitangan rumah api dari Singapura, pergi ke Pulau Pisang untuk menjaga rumah api di situ."